



Sekitar Majlis Pengijazahan kepada peserta Program Fun Bahasa Malaysia.

UUM ONLINE: Program Fun Bahasa Malaysia Camp yang disertai oleh 21 pelajar dan sembilan tenaga pengajar dari Universiti Bansomdej Chophaya Rajabhat (BSRU), Bangkok, Thailand ternyata telah menunjukkan respon yang positif apabila peserta dapat bertutur ringkas dalam Bahasa Malaysia.

Program yang dianjurkan oleh i-COMTOUR Training & Consultancy, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia (UUM) bermula dari 13 hingga 26 Ogos lalu dijalankan di Universiti Inn.

Pengarah i-COMTOUR Training & Consultancy, Prof. Madya. Dr. Hisham Dzakiria berkata, pelajar didedahkan pembelajaran asas bahasa Malaysia di dalam kelas selama seminggu sebelum menjalankan beberapa aktiviti lain.

Katanya, pelajar juga mempelajari bahasa Malaysia dengan kaedah mendekati budaya adat resam orang Melayu dan rakyat Malaysia dalam lawatan di sekitar Pulau Pinang, Alor Setar dan Pulau Langkawi.

“Kita bukan sahaja mengadakan latihan dan kursus dalam kelas, tetapi juga selalu menjalankan program LASBELA (Lawatan Sambil Belajar) bagi membolehkan mereka mempelajari bahasa Malaysia secara bersahaja dan menyeronokkan.

“Kaedah ini penting kerana kita bukan sahaja mahu pelajar-pelajar luar negara datang berkursus selama dua hingga tiga minggu, tetapi menggunakan peluang yang ada untuk memperkenalkan keindahan dan kecantikan negara kita dengan harapan, ia akan dapat mencuit pelajar untuk belajar di Malaysia, khususnya di UUM”, katanya.

Sementara itu, Pengurus Projek, Prof. Madya Dr. Nuraini Yusoff berkata program ini adalah merupakan satu program yang digubal khas untuk pelajar BSRU berteraskan kepada pendekatan inovatif dan kreatif apabila pembelajaran dilaksanakan dalam suasana yang menarik, menghiburkan, mencuit dan dipenuhi dengan interaksi antara tenaga pengajar dan pelajar.

Nuraini berkata, pendekatan i-COMTOUR dalam mengendalikan program ini menggunakan pendekatan '*thematic*' iaitu menggunakan tema-tema tertentu bagi setiap sesi dengan tujuan pelajar akhirnya dapat menggunakan perkataan asas dalam Bahasa Malaysia untuk berkomunikasi.

Selain itu, tenaga pengajar BSRU, Rapeepan Poopakapanpong Tantarath berkata, keseluruhan program berjalan dengan cukup baik dan amat memuaskan.

“Pelajar-pelajar kami amat teruja dan gembira dengan pendekatan inovatif i-COMTOUR dalam melaksanakan program 14 hari ini, mereka bukan sahaja dapat menguasai asas bahasa Malaysia yang ringkas, tetapi sudah jatuh cinta dengan kecantikan Malaysia dan UUM.

“Siapa sangka berdekatan dengan sempadan kami, ada satu universiti yang cantik serta mempunyai tenaga pengajar yang profesional serta ramai antara kami akan kembali untuk belajar di sini di masa depan,” katanya.

Salah seorang pelajar, Zuhaiming Jalong, 23, berkata beliau yang kali pertama datang ke negara ini, menyifatkan kem ini sangat berguna dan cara pembelajaran amat menyeronokkan.

Rakannya, Romtira Pukmatiamad dan Areeya Sreesuwan, masing-masing berusia 19 tahun menyatakan hasrat mereka untuk kembali semula ke UUM dan terus mempelajari bahasa Malaysia yang ternyata menarik minat mereka.